

PM puas hati draf Komanwel

Daripada
IBRAHIM YAHAYA

HARARE, Rabu — Malaysia berpuas hati dengan draf pengisytiharan Komanwel Harare yang tidak berubah daripada pendirian negara, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, draf yang disediakan oleh kumpulan pakar pegawai kanan Komanwel tidak bertentangan dengan perjuangan Malaysia selama ini.

Bercakap kepada wartawan Malaysia di sini malam tadi selepas pertemuan dengan Perdana Menteri India, P V Narasimha Rao, beliau berkata, draf itu dipersetujui oleh 10 ketua-ketua kerajaan di Mesyuarat Kumpulan Penilaian Peringkat Tinggi (HLAG) Komanwel semalam setelah dibahaskan dengan teliti.

Perdana Menteri berkata, draf Britain yang juga dikemukakan di mesyuarat HLAG yang dipengeruskannya semalam, mengandungi perkara yang sama dengan draf kumpulan pakar tetapi ber-

beza di segi bahasa. **17 OCT 1991**

"HLAG membuat keputusan menggunakan draf Britain dengan memberi penekanan kepada beberapa perkara yang membabitkan negara membangun," katanya.

Antara penekanan itu ialah mengenai kerajaan yang baik dan perkara itu dibahaskan panjang lebar oleh HLAG dan Malaysia meminta semua pihak memahami perkara itu dalam erti kata sebenar.

"HLAG bersetuju bahawa pandangan yang disuarakan berhubung isu itu masih wujud lagi di sesetengah negara yang tidak ada lagi kebebasan di mana rakyat ditekan oleh pemimpin diktator.

Mengenai Afrika Selatan, Perdana Menteri berkata, pemimpin Komanwel berpendapat ada keperluan untuk bertemu dengan Nelson Mandela bagi mengetahui secara mendalam keadaan sebenar untuk merancang apa yang perlu dilakukan oleh Komanwel.

"Untuk itu, saya sebagai Pengerusi HLAG, Pengerusi

Pertubuhan Kesatuan Afrika (OAU), Jen Ibrahim Babaginda, Pengerusi Negara Afrika yang bersempadan, Dr Kenneth Kuanda, Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeke Anyouku dan Presiden Zimbabwe, Robert Mugabe akan menemui Mandela. Selepas itu, kami akan membuat laporan hasil perbincangan berkenaan," katanya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata Kumpulan Pemerhati Komanwel turut dibincang.

"Sebelum ini tiada garis panduan sebenar fungsi yang perlu dilakukan oleh kumpulan pemerhati. Hasil perbincangan HLAG, kita memutuskan kumpulan itu harus bertindak sebagai pemerhati dan bukannya penyiasat.

"Kumpulan itu perlu berpuas hati dengan undang-undang dan peraturan di negara yang dilawati dan memastikan tiada halangan tertentu ketika pilihanraya," katanya.

Mengenai Mesyuarat Ketua-Ketua Kerajaan Komanwel (CHOGM) yang bermula

hari ini yang dikatakan bersejarah kerana ia menentukan arah masa depan Komanwel, Perdana Menteri berkata:

"Saya yakin perbincangan kali ini akan menjadi menarik. Dunia berubah dengan cepat dan Komanwel perlu mengambil perhatian perkembangan yang berlaku.

"Umpamanya, di kebanyakan negara Komanwel yang sebelum ini mempunyai satu parti, kini sudah ada pemerintahan pelbagai parti.

"Oleh itu, seperkara yang perlu diberi perhatian ialah pilihanraya perlu dijalankan dengan baik. Itu sebab kita mengadakan kumpulan pemerhati bagi memastikan Komanwel terus mewujudkan arus demokrasi yang dituruti di seluruh dunia," katanya.

Mengenai keahlian Komanwel, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, keputusan untuk menimbang sebarang permohonan perlu dibuat selepas syarat menganggotai Komanwel yang ditetapkan dalam laporan HLAG diluluskan.